



جَابْرِيلْ كَوْنِسُونْتْ بَكْرِيْ جُوْهَرْ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000

Faks: 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (51)
Takwim : ۱۳ Muharam 1447H
Tarikh : ۱۴ Julai 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar-pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 5 TAHUN 2025

Perintah Nafkah Anak dalam Perintah Perceraian

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor Bil. 2/2025 bertarikh 18 Jun 2025 bersamaan 21 Zulhijjah 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Perintah Nafkah Anak dalam Perintah Perceraian sebagaimana berikut:-

1. Apabila membenarkan suatu perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, jika suami dan isteri di dalam

permohonan perceraian itu mempunyai anak dari perkahwinan itu yang masih di dalam tanggungan, Hakim hendaklah memerintahkan suatu Perintah Nafkah Anak bagi anak tersebut.

2. Pemohon, sama ada suami atau isteri, hendaklah menyatakan di dalam Afidavit yang difaiklan bersama Permohonan:-

- (a) Nama, umur dan jantina anak-anak hasil dari perkahwinan itu;
- (b) keperluan anak-anak tersebut;
- (c) kemampuan suami; dan
- (d) syarat apa-apa perjanjian atau persetujuan bersama antara suami dengan isteri berkenaan dengan nafkah anak sama ada kekal atau sementara, jika ada, atau cadangan Pemohon mengenai nafkah anak jika tiada sesuatu persetujuan bersama telah tercapai.

3. Tertakluk kepada undang-undang dan Hukum Syarak, jika terdapat apa-apa persetujuan bersama antara suami dengan isteri berkaitan nafkah anak, Hakim hendaklah merekodkan dan mengendorskan persetujuan bersama tersebut.

4. Jika tidak terdapat apa-apa persetujuan bersama antara suami dengan isteri berkaitan nafkah anak, Hakim hendaklah mentaksirkan, menetapkan dan memerintahkan ke atas suami membayar nafkah anak sementara berdasarkan keperluan anak dan kemampuan suami.

5. Perintah Nafkah Anak Sementara hendaklah berkuat kuasa dengan serta merta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah Mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah. Perintah Nafkah Anak Sementara tidak menghalang mana-mana pihak daripada memfaiklan Permohonan Perintah Interim Nafkah di Mahkamah Tinggi Syariah.

6. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019: Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak. Arahan Amalan ini tidak terpakai jika sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya berkaitan nafkah anak tersebut.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 16 Julai 2025.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor